

**BAB
PERTAMA**

BAB PERTAMA

KONSEP ZAKAT DAN CUKAI PENDAPATAN DALAM AL-QURĀN DAN AL-HADITH

Seorang rakyat Malaysia yang beragama Islam yang mempunyai pendapatan yang layak dikenakan cukai pendapatan¹ dikehendaki membayar cukai di atas pendapatan tersebut bagi sesuatu tempoh tahun taksiran.² Di samping itu ia juga wajib mengeluarkan zākāt di atas pendapatan atau harta yang dimilikinya sekiranya cukup *hāwl* dan *nisābnya*. Tanggungjawab untuk membayar kedua-dua jenis bayaran tersebut, dirasakan sebagai suatu obligasi yang bertindih yang harus dipikul oleh seorang individu muslim, dalam suatu tempoh yang hampir serentak.

1.1 DEFINASI ZAKĀT

Dari segi bahasa, perkataan zākat merupakan kata dasar dari *zākā* yang bererti berkah, tumbuh, bersih dan baik. Zākāt dari segi istilah fikah bererti sejumlah harta tertentu yang wajib diberikan kepada orang yang berhak.³

Secara umumnya ia ditafsirkan sebagai satu bentuk derma, sedekah, sumbangan kebajikan. Ianya berlainan

dari segi aktiviti utamanya, iaitu satu tanggungjawab rasmi yang tidak ada pilihan.⁴

Dalam First Encyclopedia of Islam⁵ zākāt disebutkan sebagai cukai agama. Satu daripada kewajipan utama Islam. Dikenakan ke atas jenis harta yang tertentu dan diagihkan kepada lapan golongan penerimanya.

1.1.1 Definasi ·

Kajian ini akan menumpukan pada bidang pengenaan cukai pendapatan individu semata-mata. Ini berdasarkan kepada pertimbangan bahawa kewajiban membayar zākāt hanya dikenakan ke atas harta seseorang yang cukup syarat-syaratnya. Zākāt mula diwajibkan ke atas umat Islam pada tahun kedua Hijrāh.⁶ Firman Allah s.w.t:

وَأَقِمُوا الصَّلَاةَ وَأَذْكُرُوهُ

Yang bermaksudnya:

"Dirikanlah sembahyang dan bayarkanlah zākāt hartamu"

Zākāt merupakan salah satu Rukun Islam yang lima. Ia wajib ditunaikan sepertimana wajibnya sembahyang lima

waktu. Gagal menunaikannya setelah diberi asas kemudahan dan peluang pekerjaan mengikut kemampuan dan keterampilan masing-masing bermakna ia tidak menyempurnakan sebahagian Rukun Islam yang lima, sedang ianya dituntut oleh syārāk.⁸

Tafsiran Cukai Pendapatan individu atau orang perseorangan di sini meliputi semua jenis pendapatan yang boleh dikenakan cukai berdasarkan pengenaan cukai pendapatan di bawah kuatkuasa Akta Cukai Pendapatan 1967 No. 47 (Akta 53). Kajian ini cuba membuat analisis aspek pengenaan zākāt dan cukai pendapatan dari sudut tanggungjawab seseorang individu muslim sahaja. Bidang-bidang lain mengenai percukaian hanya akan disentuh sekiranya ada hubungkaitnya dengan tanggungjawab individu.

Kajian ini cuba membuat analisis tentang rebat zākāt⁹ yang diberi potongan dalam pengiraan Cukai pendapatan seorang individu. Apa yang menjadi persoalan ialah niat seorang yang menunaikan zākāt dikaitkan dengan tuntutan potongan rebat tersebut. Persoalannya ialah adakah tercapai "tujuan mengeluarkan zākāt" tersebut. Kerana keadaan yang menentukan sahnya zākāt seseorang itu ialah niat seorang itu untuk menunaikan zākāt hanya semata-mata untuk melaksanakan kewajipan. Zākāt

merupakan satu perbuatan pengabdian. Sebab tidak sah melainkan diniatkan begitu.¹⁰

1.1.2 Zākāt

Islam amat mementingkan agihan kekayaan di kalangan umatnya, bukannya pendapatan. Sebab itulah Islam tidak menyediakan sistem percukaian yang khusus dalam ekonominya.

Pada amnya zākāt terdiri dari dua jenis iaitu zākāt harta seperti hasil tanaman dari jenis buah-buahan atau bijiran, binatang ternakan seperti unta, lembu dan bebiri, emas dan perak (galian) atau matawang dan barang-barang perniagaan.¹¹ Satu lagi ialah zākāt fitrah atau disebut juga sadaqah al-fitrah, yang diwajibkan ke atas orang Islam setahun sekali.¹²

Zākāt merupakan salah satu Rukun Islam yang lima. Dari Ibn Umār r.a. Sabda Rasulullah s.a.w:

بِحَمْدِ اللَّهِ الْإِلَهِ الْأَكْبَرِ وَبِحَمْدِ رَسُولِ اللَّهِ
وَرَقِيمِ الصَّلَاةِ وَرَاتِيْلِ الْعِزْمِ وَأَجْنِيْجِ وَصَوْمِ رَمَضَانَ

Yang bermaksud:

"Islam ditegakkan di atas lima dasar: Menyaksikan bahawa tidak ada Tuhan yang lain melainkan Allah dan bahawasanya; Nabi Muhammad itu pesuruh Allah; Mengerjakan sembahyang; Mengeluarkan zakat; (Menunaikan zakat;) Menunaikan haji; dan berpuasa di bulan Ramadhan"¹³

Kebanyakan ulama dan cerdik pandai Islam memberikan pendapat tentang zakat ini hanya lebih menekankan tentang kewajipan seorang individu terhadap zākāt ini dari segi agama sahaja.¹⁴ Firman Allah s.w.t:

وَرَحْمَتِي وَسِعَتْ كُلُّ شَيْءٍ فَسَأَكْتُبُهَا لِلَّذِينَ
يَنْقُونَ وَيُؤْتُونَ الزَّكَوَةَ وَالَّذِينَ هُمْ بِإِيمَانِنَا يُؤْمِنُونَ

Yang bermaksud:

"Dan rahmat-Ku (adalah begitu am sekali), sehingga ia meliputi segala-galanya. Jadi, akan Aku tetapkan rahmat-Ku (secara khusus) untuk mereka yang bertaqwa dan menunaikan zākāt dan beriman kepada ayat-ayat-Ku¹⁵

Sesungguhnya pentadbiran zākāt di Malaysia telahpun di institusikan di kebanyakan negeri, ianya masih belum diselaraskan. Pentadbiran zākāt disetiap negeri masih lagi merupakan urusan atau tanggungjawab negeri masing-masing.¹⁶

Sebenarnya sesebuah negara itu mempunyai peranan untuk mewajibkan zakat sama seperti ia melaksanakan cukai

pendapatan ke atas setiap penduduknya yang layak dikenakan cukai. Bezanya zākāt hanya dikenakan ke atas orang Islam yang mukāllāf. Islam sebenarnya telah meletakkan tanggungjawab mengutip dan mengagihkan zākāt kepada lapan **asnāf** itu di atas bahu pemerintah atau kerajaan.¹⁷ Firman Allah s.w.t:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَءَاتُوا الزَّكُورَةَ وَأَرْكَعُوا مَعَ الْرَّكِعَيْنَ

Yang bermaksud:

"Dan dirikanlah sembahyang dan keluarkanlah zākāt dan ruku'lah kamu semua (berjemaah) bersama-sama orang yang ruku'"¹⁸

Firman Allah s.w.t yang tersebut di atas amat jelas menunjukkan yang mengeluarkan zākāt itu merupakan satu kewajipan yang telah ditentukan ke atas orang-orang Islam. Perkataan zākāt disebut sebanyak tiga puluh dua kali di dalam al-Qurān, kebanyakannya daripadanya disebut bersama dengan perkataan al-Sālāt (sembahyang) di dalam satu ayat.¹⁹

Pentingnya zākāt sebagai suatu ibadah boleh dilihat dari aspek hikmah dan fungsinya kepada manusia itu sendiri khususnya umat Islam. Pada zahirnya zākāt ialah

kewajipan harta yang diambil daripada orang kaya untuk diberikan kepada orang miskin.²⁰ Firman Allah s.w.t:

إِنَّمَا الصَّدَقَاتُ لِلْفُقَرَاءِ وَالْمَسْكِينِ وَالْعَمِيلِينَ عَلَيْهَا
وَالْمُؤْلَفَةِ فِلُوْبُهُمْ وَفِي الرِّقَابِ وَالْغَرِيمِينَ وَفِي سَبِيلِ
اللَّهِ وَابْنِ السَّبِيلِ فَرِيضَةٌ مِّنْ رَبِّهِ وَاللَّهُ عَلَيْهِ حِكْمَةٌ

Yang bermaksud:

"Sesungguhnya sedekah-sedekah (zākāt) itu, hanyalah untuk orang-orang fākir dan orang-orang miskin dan āmil-āmil yang mengurusnya dan orang-orang muāllaf yang dijinakkan hatinya dan untuk hamba-hamba yang hendak memerdekaan dirinya dan orang-orang yang berhutang dan untuk dibelanjakan pada jalan Allah, dan orang-orang mus'afir (yang keputusan) dalam perjalanan; ketetapan hukum yang demikian itu ialah sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah s.w.t dan (ingatlah) Allah amat mengetahui lagi amat bijaksana"²¹

Kebanyakan ulama berpendapat bahawa zākāt merupakan satu kewajipan orang kaya terhadap orang miskin. Islam juga menekankan kepada keperluan untuk memberikan hak golongan yang miskin supaya maruah dan kehormatan mereka dipelihara.²²

Jika kita memandang kepada makna zākāt, maka ia bermaksud bersih dan membersihkan. Ini bererti zākāt itu membersihkan:

- i. Diri pemberi zākāt daripada sifat-sifat yang keji seperti lalai, tamak dan sebagainya;
- ii. Diri penerimanya daripada sifat keji seperti hasad dengki dan sebagainya; dan
- iii. Masyarakat seluruhnya daripada berbagai-bagai keburukan berkaitan dengan terhapusnya sifat keji daripada anggotanya.²³

Firman Allah s.w.t:

حُذِّرَ مِنْ أَمْوَالِهِمْ صَدَقَةً تُظَاهِرُهُمْ وَنَزَّكُهُمْ بِهَا

Yang bermaksud:

"Ambillah (sebahagian) dari harta mereka menjadi sedekah (zākāt) supaya dengannya engkau membersihkan mereka (dari dosa) dan mensucikan mereka"²⁴

Jika dilihat fungsinya dari aspek kerohanian ianya sebagai suatu ibadat kepada Allah s.w.t dan satu kesyukuran terhadap nikmatnya. Seorang yang menunaikan

zākāt seperti telah menghambakan dirinya kepada Allah, patuh kepadaNya, di samping mensyukuri segala nikmat yang diberi oleh Allah kepadanya, sama ada nikmat badan (kesihatan, kebahagiaan, ketenangan jiwa) atau nikmat kewangan (dengan mendapat harta yang halal).²⁵

Firman Allah s.w.t:

وَأَقِيمُوا الصَّلَاةَ وَإِذَا نَفَدَ مِمْرَازُ الْأَنْفُسِ
مِنْ حَيْرٍ تَحْدُوهُ عِنْدَ اللَّهِ

Yang bermaksud:

"Dan dirikanlah sembahyang dan tunaikanlah zākāt dari apa-apa yang kamu usahakan dan kebaikan bagi diri kamu, tentu akan mendapat pahalanya di sisi Allah"²⁶

Zākāt adalah satu bahagian yang ditentukan daripada kekayaan seseorang yang sudah menjadi kewajipan tahunan untuk diberi kepada golongan miskin dan dengan cara memberi kekayaan kepada yang memerlukannya adalah dianggap sebagai pensuciannya dan pertambahan kepada harga itu sendiri.²⁷

Firman Allah s.w.t:

لَئِن شَكَرْتُمْ لَأَزِيدَنَّكُمْ

Yang bermaksud:

"*Sesungguhnya jika kamu bersyukur, pasti Kami akan menambahkan (nikmat kepadamu)*"²⁸

Harta kekayaan merupakan nikmat yang dikurnia oleh Allah s.w.t. Cara untuk seseorang individu itu mensyukurinya ialah dengan mengeluarkan zākāt atau sedekah.

Untuk mengawal pelaksanaan zākāt, Islam menumpukan kepada tiga faktor berikut:

- i. Kawalan imān dan jiwa individu muslim yang mendorongnya untuk menunaikan zākāt demi memperolehi keredaan Allah s.w.t dan demi mengharapkan untuk memperolehi pahala-Nya dan terhindar daripada seksaan-Nya.

- ii. Kawalan jiwa sosial berupa masyarakat Islam yang ditugaskan untuk amār ma'arūf nāhi mungkar dan saling menasihati dalam kebenaran dan kesabaran.
- iii. Kawalan daripada pemerintah Islam yang mendapat amanah untuk mengambil zākāt secara paksa daripada orang-orang yang tidak mahu

memberikannya secara sukarela. Bahkan pemerintah juga berkewajipan untuk memerangi kelompok-kelompok yang kuat, jika terbukti enggan menunaikan fardu zākāt.²⁹

¶

Khalifah yang pertama selepas kewafatan Rasulullah s.a.w iaitu Abu Bākr al-Siddiq pernah berkata:

وَاللَّهُ لَا قَاتِلَنَّ مِنْ فَرْقَقَ بَيْنَ الصَّلَاةِ وَالزَّكَافِ فَإِنَّ الرَّكَأَةَ حَقُّ الْمَالِ
وَاللَّهُ لَوْمَتْنَا عَنْ أَنَا كَانُوا يَبْذُوْهُمَا إِنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ
لَقَاتَلُوكُمْ عَلَىٰ مَنْهُمْ

Yang bermaksud:

"Demi Allah, aku akan memerangi mereka yang membezakan di antara sembahyang dan zākāt. Sesungguhnya zākāt itu adalah satu kewajipan harta. Demi Allah sekiranya mereka tidak mengeluarkan zākāt seekor kambing yang biasa mereka keluarkan kepada Rasulullah s.a.w, nescaya aku akan membunuh mereka kerana enggan mengeluarkannya"³⁰

Kata-kata Abu Bākr al-Siddiq menunjukkan betapa besarnya peranan zākāt dari kaca mata pemerintah. Sebenarnya zākāt itu sendiri mempengaruhi kedua-dua belah pihak, pembayar dan penerimanya. Kesan zākāt terhadap pembayar zākāt itu adalah seperti berikut:

Ia akan meningkatkan nisbah tabungan pada setiap tingkat pendapatan. Oleh kerana zākāt dikenakan terhadap penambahan nilai bersih bukan sahaja terhadap pendapatan, maka pengguna yang memiliki kekayaan itu mestilah meningkatkan nisbah tabungannya untuk mengelakkan tingkat kekayaannya daripada merosot.³¹

Satu lagi kesan di atas pembayaran zākāt ialah ia dapat mengeratkan hubungan di antara keputusan menabung dengan melabur dan membawa kedua-dua keputusan itu lebih hampir kepada satu sama lain.³²

Kesan zākāt terhadap penerimanya ia akan meningkatkan pendapatan bersih mereka, justeru itu ia akan meningkatkan tabungan dan juga perbelanjaan akhir mereka. Perlu diingat bukan semua penerima zākāt itu terdiri daripada golongan yang mempunyai nisbah tabungan yang paling rendah. Hanya tiga golongan penerima zākāt yang boleh dianggap mempunyai tabungan paling rendah, iaitu golongan fākir (papa), miskin dan yang musafir.³³

Dari segi psikologinya orang yang mengeluarkan zākāt itu akan dapat merasai ketenangan jiwa yang begitu mendalam, sebagai hasil pemberian yang dilakukan dengan tulus ikhlas kepada Allah s.w.t dengan niat semata-mata untuk membantu golongan yang susah yang benar-benar memerlukan.³⁴

Kemiskinan adalah merupakan satu fenomena dalam masyarakat sejagat. Islam telah mengenalpasti masalah ini sejak dari awal lagi. Cara pendekatan yang dikemukakan adalah selaras dengan roh Islam itu sendiri; iaitu melalui konsep kerjasama.

Firman Allah s.w.t:

وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالثَّقَوَىٰ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ
وَالْعَدْوَنِ وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ

Yang bermaksud:

"Dan tolong menolonglah kamu dalam mengerjakan kebaikan dan takwā, dan janganlah tolong menolong dalam perbuatan dosa kepada Allah, sesungguhnya Allah amat berat seksanya"³⁵

Mengikut teori ekonomi, pengagihan semula pendapatan adalah merupakan satu cara untuk menyelesaikan masalah kemiskinan. Melalui zākāt harta golongan kaya akan dipindahkan kepada golongan miskin. Langkah pengagihan ini akan menyediakan saraan hidup dan modal yang cukup kepada golongan muslim yang kurang berkemampuan itu. Secara tidak langsung ianya dapat mengelakkan golongan miskin daripada cengkaman riba dan meminta-minta.³⁶

1.2 CUKAI PENDAPATAN

1.2.1 Definasi Cukai

Terdapat banyak ta'kif mengenai cukai antaranya ialah cukai adalah satu sumbangan paksa yang dimestikan terhadap orang ramai. Bayaran wajib yang dikenakan oleh kerajaan ke atas orang ramai yang terlibat dengan asas cukai yang diamalkan.³⁷

Dari segi aliran sumber ekonomi, cukai dita'krifkan sebagai pindahan wajib sumber ekonomi daripada sektor swasta keapda sektor awam untuk mencapai objektif ekonomi dan sosial.³⁸

Cukai merupakan bayaran wajib tetapi bukannya denda dikenakan oleh kerajaan ke atas penggunaan pendapatan kekayaan atas asas-asas lain untuk faedah rakyat yang diperintah. Ianya tidak termasuk denda atau bayaran khusus untuk faedah pembayarannya seperti bayaran lesen, permit, tol dan taksiran lepas.³⁹

Apakah konsep cukai pendapatan dari perspektif syariat Islam? Sebenarnya semua matlamat-matlamat percukaian yang dibincangkan oleh ahli ekonomi moden itu telahpun diketahui oleh syariat Islam lebih awal dari itu. Bahkan umat Islam terdahulu telah lama

mengamalkannya dalam kegiatan-kegiatan perekonomian mereka. Dengan perkataan lain konsep cukai telah ada di dalam amalan Islam itu sendiri.⁴⁰

Firman Allah s.w.t:

وَيَسْأَلُونَكَ مَاذَا يُنفِقُونَ قُلِ الْعَفْوَ

Yang bermaksud:

"Mereka bertanya kepada engkau; apakah yang akan mereka nafkahkan. Katakanlah sekadar berlebihan dari keperluanmu"⁴¹

Berdasarkan keterangan ayat di atas, adalah jelas sekali yang umat Islam digalakkan untuk mengeluarkan perbelanjaan sebahagian daripada pendapatan atau harta mereka yang berlebihan. Daripada keperluan satu kurniaan dari Allah s.w.t yang sepatutnya dipulangkan kepada pemunya yang mutlak iaitu Allah s.w.t.

Dr. Yusuf al-Qārdhāwi berpendapat bahawa: sesebuah negara itu mempunyai peranan untuk mewajibkan zākāt sama seperti peranan untuk menwajibkan cukai pendapatan ke atas setiap penduduknya yang layak dikenakan cukai.⁴²

Berbelanja ke jalan Allah, selepas memenuhi keperluan sendiri adalah merupakan sesuatu yang dituntut oleh Islam selain daripada mengeluarkan zākāt daripada hartanya. Seseorang itu, masih mempunyai tanggungjawab di atas hartanya itu terhadap masyarakat. Seterusnya firman Allah s.w.t:

وَءَانِي الْمَالَ عَلَىٰ حِتَّهِ دُوِي الْفُرْبَ وَالْيَتَمَ
وَالْمَسْكِينَ وَابْنَ السَّيِّلِ وَأَنْسَآءِ الْيَتِيمَ وَفِي الْرِّقَابِ
وَأَقَامَ الصَّلَاةَ وَءَانِي الْزَّكُوَةَ

Yang bermaksud:

"Dan dia memberikan harta yang dikasihinya kepada karib kerabatnya, anak yatim, orang miskin, orang musafir, hamba sahaya dan ia mendirikan sembahyang dan mengeluarkan zākāt"⁴³

Ayat al-Qurān di atas membuktikan bahawa Islam menekankan pembelaan kepada golongan miskin yang kurang bernasib baik dan anak-anak yang tiada tempat bergantung dan juga orang-orang musafir. Orang-orang yang berada diminta membantu golongan ini sebagai tambahan kepada kewajipan ke atas mereka mengeluarkan zākāt. Sumbangan mereka ini diberi ganjaran pahala oleh Allah s.w.t.

Pengenaan cukai ke atas golongan kaya merupakan satu cara pengagihan pendapatan yang boleh menolong

menyelesaikan masalah sosial tersebut. Tujuan di sebalik semua jenis cukai di dalam negara Islam hanya satu, iaitu untuk kebajikan rakyat, sama ada mereka Islam atau bukan Islam. Atas dasar ini sesebuah negara Islam itu boleh mengenakan cukai ke atas orang ramai.⁴⁴

Firman Allah s.w.t:

أَهُمْ يَقِسِّمُونَ رَحْمَةَ رَبِّكُمْ نَحْنُ قَسْمًا بَيْنَهُمْ مَعِيشَتَهُمْ
فِي الْحَيَاةِ الدُّنْيَا وَرَفَعْنَا بَعْضَهُمْ فَوْقَ بَعْضٍ دَرَجَاتٍ
لَيَتَّخِذُ بَعْضُهُمْ بَعْضًا سُخْرِيَّةً وَرَحْمَةُ رَبِّكَ خَيْرٌ
مَمَّا يَجْمَعُونَ

Yang bermaksud:

"Apakah mereka yang membahagi-bahagikan rahmat Tuhan mu. Kami telah menentukan (pembahagian) di antara mereka (suatu) penghidupan dalam kehidupan dunia dan Kami telah mengagihkan (pendapatan) sebahagian mereka atas sebahagian (yang kaya) dapat mempergunakan (menolong) sebahagian yang lain. DAN rahmat Tuhan mu itu lebih baik dari apa yang mereka kumpulkan"⁴⁵

Bagi orang Islam, pengenaan cukai pendapatan ke atas mereka memberi pulangan yang berganda. Allah s.w.t telah menjanjikan bahawa mereka yang membelanjakan harta ke jalan Allah, adalah ibarat menanam sebiji benih yang akan tumbuh menjadi tujuh tangkai, mengandungi seratus biji serangkai.

Firman Allah s.w.t:

مَّثَلُ الَّذِينَ يُنْفِقُونَ أَمْوَالَهُمْ فِي سَيِّلٍ اللَّهُ كَمْثُلَ حَبَّةٍ أَنْبَتَ سَبْعَ سَنَابِلَ فِي كُلِّ سُبْنَبْلَةٍ مِائَةُ حَبَّةٍ وَاللَّهُ يُضَعِّفُ لِمَنْ يَشَاءُ وَاللَّهُ وَاسِعٌ عَلَيْهِ⁴⁶

Yang bermaksud:

"Bandingan (perbelanjaan/derma) orang yang membelanjakan hartanya pada jalan Allah, ialah sama seperti sebiji benih yang tumbuh menerbitkan tujuh tangkai tiap-tiap tangkai itu pula mengandungi seratus biji. Ingatlah, Allah akan melipatgandakan pahala bagi sesiapa yang dikehendaki-Nya dan Allah amat luas (rahmat) kurnia-Nya, lagi meliputi ilmu pengetahuan-Nya"⁴⁶

Teknik moden dalam pencukaian adalah perlu untuk masyarakat moden Islam. Pencukaian mempunyai dua tujuan, iaitu memungut sebahagian pendapatan dari ahli masyarakat secara adil dan mengagihkannya semula untuk tujuan menghapuskan penindasan dan riba.⁴⁷

Dengan kata lain pengenaan cukai pendapatan ke atas seseorang individu boleh digunakan untuk diberikan kepada setiap ahli masyarakat, hak mereka secara yang adil.⁴⁸

Al-Imām al-Shātibi dikatakan bersetuju supaya levi lain dikenakan selain daripada zākāt jika sekiranya pengenaan levi tersebut untuk kepentingan umat Islam. Misalnya dalam masa negara Islam diserang sedangkan kedudukan kewangan tidak mencukupi untuk menampung perbelanjaan tersebut. Maka orang kaya akan diminta membayai perbelanjaan itu.⁴⁹

Kitab suci al-Qurān telah mengariskan dengan jelas golongan orang dan saluran bagi kutipan zākāt itu dapat dibelanjakan. Kategori orang yang berhak untuk mendapat manfaat zākāt itu ialah orang miskin, papa, yang ber hutang, yang tiada rumah, saudara baru, manakala saluran bagaimana zākāt itu dapat dibelanjakan telah disenaraikan sebagai pembebasan hamba abdi, pentadbiran zākāt, dan ke jalan Allah.⁵⁰

Kaedah yang paling mudah untuk membelanjakan wang zākāt itu ialah melalui bayaran pendahuluan kepada mereka yang berhak menerimanya.⁵¹ Dana ini sebahagian yang boleh dikhaskan untuk pelaburan penerimanya difirma atau industri yang mereka miliki sendiri.⁵²

Negara Islam boleh mengenakan cukai tambahan ini, selain daripada zākāt dengan syarat atau tujuan yang-berikut:

- a. untuk menyokong penggunaan dan untuk mengwujudkan sumber tabung kerajaan.
- b. untuk memindahkan sumber-sumber kekayaan pelaburan dari sektor yang memberi manfaat yang kecil kepada sektor pembangunan ekonomi yang mendarangkan manfaat kemajuan yang lebih besar.
- c. untuk menyediakan insentif bagi mengubah suasana ekonomi yang mudah berkembang misalnya insentif menabung untuk memasuki sektor pasaran dan untuk menggalakkan pengumpulan modal.
- d. Untuk mengurangkan ketidaksamarataan pendapatan di kalangan masyarakat iaitu perbezaan jurang antara golongan kaya dengan miskin dirapatkan.
- e. untuk menyediakan aliran modal keapda kerajaan bagi memudahkan pemindahan sumber-sumber kekayaan.

Firman Allah s.w.t:

اللَّهُمَّ خَلَقْتَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَوْمٍ أَيْنَمَا حَسِنْتُ عَمَلًا
وَهُوَ أَعْزَى الرَّغْفَوْرِ

Yang bermaksud:

"Yang menjadikan mati dan hidup supaya Dia menguji kamu, siapa di antara kamu yang lebih baik amalnya. Dan Dia Maha Perkasa Lagi Maha Pengampun"⁵³

Keterangan ayat di atas menunjukkan bahawa semua manusia mempunyai peluang yang sama untuk melakukan kebaikan iaitu memberi, mengasihani, menolong dan membebaskan kesusahan atau kemelut hidup orang lain. Sebab itu golongan kaya sewajarnya menyumbangkan sebahagian kekayaan mereka melalui pembayaran cukai kepada kerajaan. Sumbangan mereka akan digunakan untuk mencapai matlamat-matlamat yang disebutkan di atas tadi.

Bagaimanapun, mengenai cukai tambahan selain daripada zākāt seperti yang disarankan oleh sarjana-sarjana Islam itu tidak dijustifikasi dengan pelbagai faedah yang diperolehi daripadanya. Sebagai contoh, bagaimana ia boleh memerangi inflasi, menghalang kemelesetan dan yang lebih penting selagi mana ia menggalakkan pertumbuhan ekonomi sesebuah negara.⁵⁴

Pertumbuhan ekonomi boleh dirangsang melalui pengumpulan modal dan tabungan yang besar melalui pengenaan cukai levi tambahan ini. Oleh kerana itu amalan di zaman moden ini yang mengorbankan agihan pendapatan secara samarata semata-mata untuk menjaga

kepentingan pertumbuhan ekonomi yang kebanyakannya diamalkan di negara Islam. Amalan seperti ini adalah tidak selaras dengan prinsip-prinsip Islam.⁵⁵

Tujuan lain percukaian ialah dalam bidang perkhidmatan dan kemudahan awam, di mana ianya perlu dikenakan ke atas keupayaan dan bukannya persamaan. Setiap orang boleh menawarkan apa yang ia sanggup atau mampu. Konsep keadilan di dalam sesuatu sistem percukaian itu adalah amat penting.

Seterusnya, kerajaan dibolehkan untuk mengenakan levi tambahan atau cukai, selain daripada zākāt dalam usahanya untuk mencapai objektif tersebut; selagi mana ianya tidak bertentangan dengan hukum syārāk.⁵⁶

Adalah penting diberi perhatian mengenai kriteria yang digariskan oleh para ulama Islam mengenai susunan cukai yang optimum. Konsep keadilan menjadi asas paling penting yang perlu ada di dalam sistem percukaian sesebuah negara. Sesuatu jenis cukai yang dikenakan kepada orang ramai itu sama ada secara langsung atau tidak langsung mestilah ianya tidak menyusahkan orang ramai; tidak menindas atau menekan golongan tertentu dalam masyarakat. Ianya mestilah diasaskan juga atas prinsip-prinsip kesederhanaan, kemudahan dan keupayaan terutama sekali dalam menentukan kadar atau kaedah pentaksiran dan pembayarannya.⁵⁷ Firman Allah s.w.t:

وَإِذَا حَكَمْتُم بَيْنَ النَّاسِ أَنْ تَحْكُمُوا بِالْعَدْلِ

Yang bermaksud:

"Dan apabila kamu menghukum di antara manusia, hendaklah kamu menghukum dengan adil"⁵⁸

Seterusnya firman Allah s.w.t lagi mengenai perlunya berlaku adil:

إِنَّمَا يَأْمُرُهَا الَّذِينَ إِذَا مَنَّوا كُنُوا فَوَّادِينَ بِالْقِسْطِ شَهِدَاهُ اللَّهُ وَلَوْ عَلَىٰ
أَنْفُسِكُمْ أَوِ الْوَالِدَيْنِ وَالْأَقْرَبَيْنِ إِنْ يَكُنْ غَنِيًّا أَوْ فَقِيرًا
فَاللَّهُ أَوْلَىٰ بِهِمَا فَلَا تَتَبَعُوا هَوَىٰ أَنْ تَعْدِلُوا رَأْيَ إِنْ تَلُوْا
أَوْ تَعْرِضُوا فِي إِنَّ اللَّهَ كَانَ بِمَا تَعْمَلُونَ خَيْرًا

Yang bermaksud:

"Hai orang-orang yang beriman, hendaklah tegakkan keadilan, serta menjadi saksi bagi Allah, meskipun atas diri kamu sendiri atau ibu bapamu dan kaum kerabatmu, jika yang bersengketa itu orang kaya atau miskin. Allah lebih mengetahui keadaan keduanya. Maka janganlah kamu turut hawa nafsu sehingga kamu tidak berlaku adil. Jika kamu berpaling, sesungguhnya Allah Maha Mengetahui apa-apa yang kamu kerjakan"⁵⁹

Sesebuah negara Islam itu sebenarnya bebas mengambil langkah untuk meningkatkan hasilnya dengan mengenakan satu levi tambahan (cukai) secara langsung. Alat dasar

fiskal moden yang paling penting dalam bidang ini ialah cukai pendapatan, persendirian atau cukai syarikat.⁶⁰ Dan di sini jelas menunjukkan bahawa cukai pendapatan persendirian merupakan salah satu sumber penting bagi sesebuah kerajaan atau negara.

Asas taksiran cukai pendapatan adalah berbeza dengan zākāt. Perbezaan asas taksiran ini telah menimbulkan kekeliruan di kalangan orang ramai yang menjadi pembayar cukai dan zākāt. Cukai pendapatan dan levi berasaskan pendapatan semasa dan bukannya asas tabungan. Keuntungan modal adalah bukan pendapatan, sebab itulah ianya tidak termasuk di dalam taksiran pendapatan yang boleh dicukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 No. 47, (Akta 53).

Seperti yang telah dibincangkan terdahulu, bahawa umat Islam sangat digalakkan berbelanja ke jalan Allah selain daripada kewajipan zākāt. Firman Allah s.w.t:

وَمَا تُنْفِقُوا مِنْ شَيْءٍ فِي سَبِيلِ اللَّهِ يُؤْفَ إِلَيْكُمْ
وَأَنْتُمْ لَا تُظْلَمُونَ

Yang bermaksud:

"Dan apa sahaja yang kamu nafkahkan pada jalan Allah, nescaya akan dibalas; dan cukup (pahalanya yang sempurna) kepada mu dan kamu tidak dianiaya"⁶¹

Intisari yang boleh dipetik dari ayat di atas ialah:

- a. Adalah jelas, umat Islam masih dikehendaki mengeluarkan perbelanjaan dariapda apa yang dikurniakan kepada mereka iaitu dari harta kekayaan mereka.
- ;
- b. Berbelanja ke jalan Allah mempunyai pengertian yang begitu luas, selagi mana perbelanjaan itu menurut lunas-lunas syārāk dan tidak berkaitan dengan perkara-perkara yang dilarang (ditegah) oleh syārāk atau perkara-perkara yang diharamkan seperti riba dan sebagainya. Ianya juga meliputi perbelanjaan yang diredhai, seperti menolong orang miskin membiayai perbelanjaan peperangan dan sebagainya.
- c. Setiap nafkah yang dikeluarkan akan dihitung dan diberi balasan yang sewajarnya iaitu pahala yang akan dijelmakan dalam bentuk kenikmatan hidup di syurga.
-

Firman Allah s.w.t:

يَا أَمْرُهُمْ بِالْمَعْرُوفِ وَنَهَاهُمْ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَيُحِلُّ لَهُمُ الظِّبَابَتِ وَيُحَرِّمُ عَلَيْهِمُ الْخَبَثَ

Yang bermaksud:

"Menyuruh mereka membuat kebajikan dan menegah mereka daripada melakukan kejahatan dan menghalalkan perkara-perkara yang baik dan mengharamkan perkara-perkara yang buruk"⁶²

:

Oleh itu adalah wajar sekiranya orang ramai sudah melupai tanggungjawab ini iaitu "membelanjakan harta ke jalan Allah". Pemerintah atau Kerajaan boleh mewajipkan pelaksanaannya melalui cukai atau lebih khusus lagi cukai pendapatan untuk kebaikan masyarakat umah keseluruhannya.

Peranan cukai adalah untuk menjaminkan persamaan yang mutlak di kalangan orang ramai, di mana kelas masyarakat (kaya, pertengahan dan miskin) mestilah hampir sama dan peranan cukai ialah untuk menghapuskan perbezaan kelas ini.⁶³

Contoh yang terbaik telah ditunjukkan oleh para sahabat Rasulullah s.a.w di mana mereka telah mengeluarkan seluruh hartanya untuk tujuan ke jalan Allah, iaitu seperti yang dilakukan oleh Abū Bākr dan juga `Uthmān b. Affān juga telah mengeluarkan sebahagian hartanya untuk membiayai belanja peperangan yang dihadapi oleh umat Islam pada masa itu. Beliau telah membekalkan angkatan tentera Islam lengkap dengan senjata dan juga bekalan makanan.

Fungsi dasar fiskal kewangan yang berteraskan cukai langsung dan tidak langsung yang mendokong prinsip keadilan sejagat boleh dijustifikasi seperti berikut:⁶⁴

:

- a. Kewajipan cukai dianggap sebagai satu sumber dalam melaksanakan kemaslahatan ummah; iaitu satu strategi perancangan struktur ekonomi, dengan menyusun semula kekayaan sekadar keperluan yang wajib bertepatan dengan kaedah; "Sesuatu yang wajib tidak boleh dilaksanakan kecuali dengan adanya sesuatu perkara lain maka perkara itu juga menjadi wajib".⁶⁵
- b. Perbelanjaan awam kerajaan atau pemerintah adalah besar, sedangkan punca pendapatan adalah terhad. Para ulama berpendapat bahawa orang-orang kaya mestilah membayai perbelanjaan yang besar ini tidak boleh diambil dari sumber zākāt walaupun ia mencukupi.⁶⁶
- c. Kaedah memelihara kemaslahatan dan menolak perkara yang merosakkan dan untuk melaksanakan kaedah yang mengambil kemudarat yang lebih kecil bagi menolak satu kemudarat yang lebih besar. Satu kaedah yang digunakan oleh Abu Hamid al-Ghāzālī dan al-Shātibi bagi mengharuskan pengenaan cukai oleh pemerintah sesebuah negara.⁶⁷

1.3 JENIS-JENIS CUKAI MODEN

Percukaian adalah merupakan pengenaan levi yang wajib ke atas seseorang atau badan-badan, oleh kerajaan. Dalam ekonomi moden, cukai adalah sumber paling penting bagi sumber pendapatan kerajaan.⁶⁸

Mengikut Adam Smith, sistem undang-undang yang pertama yang sepatutnya ada di dalam sistem percukaian yang baik ialah cukai itu mestilah didasarkan kepada kebolehan membayar seorang individu itu. Ianya mestilah khusus, mudah dan tidak membebangkan.⁶⁹

Kebanyakan negara sama ada maju, membangun atau mundur mempunyai sistem percukaian yang hampir sama. Mereka mempunyai dua kategori sistem cukai iaitu cukai langsung dan cukai tidak langsung. Cukai langsung ialah cukai yang dikenakan terhadap pembayarnya secara terus menerus. Pembayar cukai tidak boleh memindahkan beban cukai yang dikenakan ke atasnya itu kepada orang lain.⁷⁰ Cukai jenis ini biasanya mendatangkan lebih cepat dan banyak dari segi jumlahnya kepada sesbuah kerajaan sebagai punca pendapatan.

Dalam tahun 1998, cukai langsung mendatangkan hasil paling besar bagi kerajaan Malaysia iaitu sebanyak empat

puluhan empat (44%)⁷¹ peratus daripada keseluruhan pendapatan; sebaliknya cukai dari jenis yang kedua iaitu cukai tidak langsung merupakan kedua pentingnya dari segi hasil kutipan iaitu sebanyak tiga puluh tujuh peratus (37%).⁷² Cukai tidak langsung ini, boleh dipindahkan bebaninya kepada orang lain, iaitu orang ketiga. Tidak seperti cukai langsung, di mana pembayar cukai merupakan penerima manfaat daripada sesuatu perkhidmatan atau barang, pembayar cukai tidak langsung ini bukan penerima manfaat.

1.3.1 Cukai Langsung

Antara Cukai-Cukai Langsung:

1.3.1.1 Cukai Pendapatan (Individu dan Syarikat)

Cukai pendapatan merupakan cukai langsung. Ianya terdiri dari dua jenis; iaitu cukai pendapatan individu dan syarikat termasuk syarikat kerjasama. Pendapatan ialah satu amaun yang boleh digunakan oleh seseorang atau diagihkan oleh sesuatu perniagaan keapda tuan punya dan menjadikan orang atau perniagaan itu masih dalam keadaan yang baik pada hujung dan permulaan sesuatu tahun itu.⁷³ Cukai pendapatan individu dikenakan atas pendapatan gaji dan perniagaan milik tunggal atau pembahagian untung

perkongsian. Manakala cukai pendapatan syarikat termasuklah cukai yang dikenakan ke atas syarikat milik awam, persendirian dan kerjasama. Termasuk juga cukai atas syarikat ini ialah cukai ke atas syarikat petroleum seperti Petronas, Shell, Esso dan lain-lain. Cukai pendapatan syarikat merupakan penyumbang utama kepada hasil kutipan cukai kerajaan.

Cukai langsung adalah merupakan cukai yang tidak boleh dipindahkan oleh seorang kepada orang lain. Ianya cukai utama yang dikenakan ke atas seseorang mengikut kemampuannya membayar, dan diukur dari pendapatannya atau kekayaan bersihnya.⁷⁴

Sesebuah sistem percukaian mestilah mampu menyediakan hasil yang cukup untuk menampung perbelanjaan dan ianya mestilah boleh memberikan lebih hasil dalam masa yang singkat bila diperlukan oleh kerajaan.⁷⁵

1.3.1.2 Cukai Keuntungan Harta Tanah

Undang-undang ini telah diperkenalkan pada tahun 1975 bagi menggantikan Undang-Undang Spekulasi Tanah 1974, No. 169, yang dimansuhkan pada tahun itu. Tujuan atau objektif utama undang-undang ini ialah untuk mencegah atau membendung kegiatan mengambil untung dari

aktiviti penjualan harta tanah. Akibat dari aktiviti spekulasi ini harga harta tanah telah melambung dan ini telah menimbulkan kesukaran dan kesusahan kepada golongan berpendapatan sederhana dan rendah untuk memiliki rumah sendiri. Cukai keuntungan Harta Tanah ini lebih mirip kepada cukai keuntungan modal di United Kingdom.⁷⁶

1.3.1.3 Orang Yang Dikenakan Cukai Langsung

Setiap orang sama ada pemastautin atau bukan pemastautin adalah layak dikenakan cukai ini. Sekiranya dia memperolehi keuntungan dari pelupusan sesuatu aset. Cukai ini tidak mengecualikan orang-orang yang tidak berupaya, bukan pemastautin, Raja-raja, Syarikat-syarikat, Pentadbir (waris), pemegang amanah dan perkongsian.⁷⁷ Pengecualian hanya diberi sekali sahaja seumur hidup, bagi seseorang yang telah melupuskan atau menjual hartatanaunya (rumah).

Hartanah yang layak dikenakan termasuklah hartanah-hartanah dan saham dalam syarikat-syarikat hartanah.

Definisi tanah meliputi yang berikut:

- i. permukaan bumi;
- ii. tanah di bawah permukaan bumi;

- iii. bangunan atau struktur yang terdapat di atasnya;
- iv. pokok tanaman atau sayuran yang tumbuh di atas tanah tersebut; dan
- v. tanah yang diliputi oleh air.⁷⁸

1.3.1.4 Keuntungan yang dikenakan cukai

Keuntungan yang boleh dikenakan cukai di sini ialah harga jualan ditolak kos pemerolehanya, jika ada lebihan ianya dinamakan keuntungan dan dikenakan cukai keuntungan harta tanah. Tidak ada tempoh asas untuk tahun asas untuk menentukan tahun taksirannya seperti di dalam kes cukai pendapatan.

Cukai dikenakan ke atas setiap keuntungan yang diperolehi dan setiap penjualan atau pelupusan harta tanah yang layak dikenakan cukai. Di dalam Undang-undang Cukai Pembangunan Tanah UK, perkataan pelupusan tidak didefinisikan secara khusus. Oleh itu pelupusan berlaku apabila terdapat salah satu peristiwa yang berikut:⁷⁹

- i. Jualan (ikut harga pasaran atau lebih tinggi atau rendah).
- ii. Hadiah.

- iii. Pertukaran (misalnya dalam kes penubuhan perkongsian sebagai tukaran untuk saham).
- iv. Penyerahan seperti pajakan dan sebagainya.
- v. Pembahagian seperti dalam kes kebangkrapan.

;

Bererti ianya tidak terhad kepada tempoh setahun sekali, sebaliknya boleh dikenakan beberapa kali dalam tempoh setahun, bergantung kepada berapa banyak penjualan yang dilakukannya dalam masa setahun itu.

Sekiranya harga jualan lebih rendah daripada kos pemerolehannya, perbezaan itu dianggap kerugian. Kerugian ini boleh ditolak daripada keuntungan dari mana-mana jualan selepas itu. Bagaimanapun, kebenaran menolak kerugian ini hendaklah dikira mengikut asas tahun taksiran, iaitu setelah mengambil kira semua keuntungan yang boleh dicukai bagi sesuatu tahun taksiran itu.⁸⁰



Harga pemerolehan atau kos pembelian sesuatu aset hartanah itu ialah harga belian ditambah dengan sebarang kos sampingan atau lebih biasa disebut perbelanjaan yang dibenarkan iaitu terdiri dari:⁸¹

- i. apa-apa bayaran atau komisen yang telah dibayar kerana perkhidmatan yang diberi oleh jurukira, peguam, akitek, juru ukur, dan sebagainya;

- ii. kos pindah milik termasuk duti setem; dan
- iii. kos pengiklanan untuk mendapatkan pembeli.

Manakala perbelanjaan yang tidak dibenarkan pula ialah:

- i. ganti rugi kerana kerosakan harta tanah;
- ii. insurans; dan
- iii. deposit atau wang muka yang dirampas.

Bagi menentukan harga lupusan atau julan pula perbelanjaan yang boleh ditolak atau diberi potongan ialah seperti berikut:

Semua perbelanjaan yang kesemuanya dan semata-mata dilakukan bertujuan menarik dan menambah nilai harta tanah tersebut seperti pengubahsuaian atau pembaikan.

Semua perbelanjaan yang dilakukan selepas memperolehi harta tersebut untuk tujuan mempertahankan hak milik harta tersebut.

Semua perbelanjaan yang berkaitan dengan penjualan harta tersebut.

Semua perbelanjaan (kos) pengiklanan untuk mencari pembeli.⁸²

1.3.1.5 Kadar Cukai

Berikut adalah kadar cukai yang dikenakan selepas 27 Oktober 1995, kadarnya adalah mengikut tempoh masa ia disimpan sebelum dijual atau dilupus;

Tempoh	Kadar
1. jika dilupus (dijual) dalam masa dua tahun (2) daripada permerolehannya	30%
2. dilupus dalam tempoh tiga (3) tahun	20%
3. dilupus dalam tempoh empat (4) tahun	15%
4. dilupus dalam tempoh lima (5) tahun	5%
5. dilupus dalam tempoh enam (6) tahun ke atas	Tiada

Pengecualian sebanyak RM5,000 atau 10% daripada keuntungan yang layak dicukai adalah diberi kepada semua kes yang mana lebih tinggi di antara keduanya.

1.3.1.6 Cukai Aktiviti Perniagaan Pesisir Labuan

Undang-Undang cukai ini telah diperkenalkan pada atau mulai tahun taksiran 1991. Undang-undang ini telah menjadikan Pulau Labuan sebagai tempat perlindungan cukai bagi syarikat-syarikat yang menjalankan perniagaan di dalam atau dari Labuan. Mengikut Undang-undang ini syarikat-syarikat Persisir Luar Pantai yang terlibat

dengan kegiatan perniagaan seperti perbankan, insurans dan pengurusan Tabung Amanah, diberi pilihan sama ada membayar cukai pendapatan pada kadar 3% di atas untung bersih perniagaan mereka atau RM20,000.00 bagi setiap tahun taksiran. Seterusnya mereka diberi pilihan lain lagi dengan tidak perlu membayar cukai penapatan tapi dikehendaki membayar belanja pentadbiran sebanyak RM20,000.00.⁸³

Manakala syarikat-syarikat Pesisir Pantai yang terlibat dengan aktiviti bukan perniagaan misalnya pelaburan dan pengurusan harta tanah dikecualikan sepenuhnya daripada membayar cukai pendapatan.⁸⁴

Ada beberapa syarat yang mesti dipatuhi oleh syarikat-syarikat yang berkenaan di antaranya:

- i. Mereka tidak dibenarkan menjalankan perniagaan menggunakan mata wang tempatan.
- ii. Mereka juga tidak dibenarkan menjalankan perniagaan dengan orang-orang tempatan, melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu sahaja.

- iii. Syarikat-syarikat mereka hendaklah didaftarkan atau diperbandankan di bawah Undang-Undang Syarikat Pesisir, 1990, (Akta 445).
- iv. Bagi membolehkan mereka membuat pilihan, mereka mestilah membuat perisyntiharan berkenaan di dalam borang yang telah ditetapkan.
- v. Syarikat-syarikat yang tidak mempunyai tempoh perakaunan bagi sesuatu tahun taksiran hendaklah membayar RM20,000.00 dan mengemukakan satu pengisyntiharan berkanun dalam masa tiga bulan pertama daripada bermulanya sesuatu tahun taksiran.
- vi. Sekiranya syarikat ada menerima pendapatan dari aktiviti yang bukan perniagaan pesisir pantai, pendapatan tersebut akan terus dikenakan cukai di bawah Undang-undang Cukai Pendapatan 1967, No. 47 (Akta 53).
- vii. Syarikat-syarikat Pesisir pantai yang diberi kebenaran atau kelulusan untuk melabur dalam syarikat-syarikat dalam negeri Malaysia, dibenarkan memegang pelaburan dalam Ringgit Malaysia.

Syarat-syarat yang disebutkan di atas adalah terpakai kepada semua Syarikat Pesisir pantai kecuali yang menjalankan perniagaan perbankan, di mana mereka dibenarkan:

- ;
- i. membeli dan menjual mata wang asing dalam ringgit seperti yang dibolehkan di bawah Seskyen 20, Akta Bank Persisir, 1990, (Akta 445).
 - ii. menerima simpanan (deposit) dalam mata wang asing daripada penduduk tempatan (pemastautin).
 - iii. menerima wang atau memberi pinjaman wang kepada pemastautin Malaysia.

Bagi syarikat yang menjalankan perniagaan insurans pesisir, mereka dibenarkan untuk menerima penginsuran semula syarikat-syarikat insurans dalam negeri dan urusniaga boleh dijalankan dalam mata wang Malaysia.⁸⁵

1.3.1.7 Cukai Duti Setem

Satu lagi jenis cukai langsung ialah cukai (duti) setem yang dikuatkuasakan di bawah Akta Duti Setem, 1949 (Akta 378) Pindaan 1996.

Duti ini dikenakan ke atas semua instrumen atau dokumen bertulis yang bertujuan:⁸⁶

- i. menjamin pembayaran sejumlah wang yang tertentu sebagai pendahuluan atau pinjaman;
- ii. untuk melaksanakan kontrak atas perjanjian;
- iii. untuk mengesahkan tuntutan hak ke atas sesuatu harta; dan

Jenis-jenis dokumen yang dikenakan duti setem ini di antaranya:⁸⁷

- i. afidavit, surat pengisyiharan, sumpah dan sebagainya;
- ii. perjanjian untuk pajakan dan sebagainya;
- iii. anuiti, untuk jualan atau hadiah, cek dan sebagainya;
- iv. Perlantikan Penanggung;
- v. Artikal Penubuhan Syarikat, suratcara persatuan, memorendum;
- vi. Penyerahan hak;
- vii. ansuran;
- viii. Kontrak;
- ix. Pindah Milik dan sebagainya; dan
- x. Surat-surat Kuasa.

Orang yang kena bayar duti (cukai) setem ini adalah mengikut siapa yang memulakan atau pertama dalam perjanjian atau dokumen ataupun kedua belah pihak yang melakukan sesuatu perjanjian itu.

3

Kadar duti (cukai) setem yang dikenakan adalah berbeza-beza mengikut jenis dokumen itu iaitu seperti yang ditetapkan dalam Seksyen 4, Jadual I, Akta Duti Setem 1949 (Akta 378).

1.3.2 Cukai Tidak Langsung

Cukai tidak langsung adalah dikutip dari orang-orang yang tiak menanggung bebannya; cukai kastam, cukai jualan, cukai impot dan ekspot, cukai perkhidmatan adalah merupakan cukai tidak langsung.⁸⁸

Cukai tidak langsung yang dikutip dari pengilang, pengimpot dan penjual dalam negeri, dipindahkan kepada pengguna yang membeli barang tersebut.⁸⁹

1.3.3 Cukai Jualan Akta 1972, (Akta 235)

Cukai jualan yang ada sekarang telah dikuatkuasakan pada tahun 1972 sebagai satu sumber hasil kerajaan. Sebelum itu, satu jenis cukai yang dinamakan cukai

perolehan dengan kadar 0.5% atas jualan kasar, dikuatkuasakan.⁹⁰

Cukai jualan dilevikan atau dikenakan ke atas semua jenis barang-barang yang kena cukai iaitu;

- i. Barang-barang yang dikilang (diperbuat) di dalam negeri (Malaysia). Maksud di kilang atau diperbuat ialah barang-barang mentah yang secara manual atau mekanikal ditukar kepada satu hasil keluaran yang baru dari segi ukuran (saiz) dan bentuknya. Termasuklah pemasangan bahagian-bahagian jentera atau lain-lain keluaran.⁹¹
- ii. Barang-barang yang diimport atau dibawa masuk dari luar negara untuk kegunaan dalam negeri.

1.4 PENGENAAN CUKAI DAN PEMBAYARAN

Pengenaan cukai jualan ini ialah apabila barang-barang kena cukai tersebut hendaklah dijual atau dilupus sama ada untuk terus digunakan oleh pengguna atau digunakan oleh pengilang lain sebagai bahan mentah untuk menghasilkan keluaran lain.

Cukai yang dikenakan itu mesti dijelaskan dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari.⁹² Manakala bagi barang-barang yang diimport, cukai mesti dibayar dan dijelaskan semasa mendapatkan kelulusan dari apda kawalan pihak Kastam, biasanya dipelabuhan selepas ianya diturunkan dari kapal.

Seseorang yang terlibat dalam pengilangan barang-barang kena cukai perlu memohon lesen daripada pihak berkuasa berkenaan dan ia perlu mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan, iaitu menyimpan rekod dan mengemukakan penyata dan sebagainya.

1.4.1 Kadar Cukai Jualan

Kadar cukai jualan ini adalah berbeza mengikut jenis barang. Dari lima (5%) peratus hingga lima belas (15%) peratus.

1.4.2 Duti Import dan Eksport

Duti Kastam ialah meliputi duti import, eksport yang dikenakan oleh pihak berkuasa Kastam. Kadar duti import adalah ditetapkan mengikut jenis barang. Bermula dari dua peratus (2%) atas barang-barang biasa seperti peralatan-peralatan mesin dan sebagainya hingga lahir kepada

tiga ratus peratus (300%) dikenakan ke atas barang import kereta-kereta mewah.⁹³

Manakala kadar duti eksport pula lebih rendah dibandingkan dengan duti import tadi. Dari lima peratus (5%) atas barang seperti kelapa sawit dan dua puluh peratus (20%) atas minyak petrol mentah.

Pengenaan duti impört dan eksport ini adalah penting bagi kerajaan dalam mengawal perkembangan sesetengah industri dalam negeri dan juga sebagai punca sumber pendapatan negara.

1.4.3 Cukai Perkhidmatan

Satu lagi jenis cukai tidak langsung ialah cukai perkhidmatan yang dikenakan ke atas nilai perkhidmatan yang diberi seperti hotel (~~rumah~~ tumpangan) dan juga dikenakan ke atas nilai barang-barang yang dijual atau dibekalkan seperti makanan atau minuman oleh restoran dan kedai makan/minuman. Cukai ini diperkenalkan pada asasnya untuk mengutip cukai dari urus niaga tunai. Ianya mudah untuk diuruskan.⁹⁴

Jenis-jenis perniagaan yang dikenakan cukai perkhidmatan ini meliputi perhotelan, restoran,

perkhidmatan profesional seperti kejuruteraan, perundangan, perakaunan dan sebagainya. Termasuk perniagaan yang menyediakan perkhidmatan penghantaran dan pengangkutan keselamatan dan perhubungan seperti telefon dan lain-lain jenis alat perhubungan.

Kadar cukai yang dikenakan ialah sepuluh peratus (10%) pada tahun 1975 kemudian diturunkan kepada lima peratus (5%) mulai tahun 1986.⁹⁵

Pengenaan cukai ini berdasarkan nilai sebenar barang itu dijual atau nilai sesuatu perkhidmatan yang diberi kepada pengguna. Ini termasuk orang yang dikenakan cukai ini, orang yang menjalankan perkhidmatan atau menjual barang kena cukai itu sendiri. Ia dikenakan semasa barang atau perkhidmatan itu dijual atau diberikan kepada penggunanya. Cara bayarannya pula ialah orang yang mengenakan cukai perkhidmatan itu hendaklah menjelaskannya dalam tempoh dua puluh lapan (28) hari selepas mengenakannya.⁹⁶

NOTA HUJUNG

1. Yong Poh Chye, *An Introduction to Malaysian Income Tax*, Tam Training Services Sdn. Bhd. Kuala Lumpur 1977, Seksyen 3, Akta Cukai Pendapatan, 1967, No. 47 (Akta 53).
2. Lihat Seksyen 2, Akta Cukai Pendapatan 1967, No. 47 (Akta 53).
3. Nor Mohammad Yakcop, *Teori amalan, dan Prospek, Sistem Kewangan Islam di Malaysia*, Utusan Publication & Distributor Sdn. Bhd 1996, hal. 128.
4. John L. Esposito, *The Oxford Encyclopaedia of Modern Islamic World* Oxford University Press, 1995, Vol. 4, hal. 366.
5. M. Th. Houtsuria, AJ. Wen Sinck, H.A.R. Gibb, *First Encyclopaedia of Islam*, 1913-1936, Vol VIII, hal. 1202.
7. Zulkornain b. Yusof: *Percukaian Negara Islam: Perbandingan Percukaian Moden dengan Islam*. Kuala Lumpur DBP 1994, hal. 28.
8. Al-Quran, surah al-Nisa (4: 77).
9. Dr. Hailani Muji Tahir: *Sistem Ekonomi Islam dan Dasar Belanjawan*, al-Rahmaniah, 1991, hal. 35.
10. Lihat Seksyen 6(3)A, Akta Cukai Pendapatan 1967 No. 47 (Akta 53).
11. Mohammed Ariff; *Monetary and Fiscal Economic of Islam: International Centre for Research In Islamic Economic* - King Abdul Aziz, University Jeddah, Saudi Arabia 1982, hal. 322 - 323.
12. Hailani Muji Tahir, *op.cit*, hal. 43.
13. *Ibid*, hal. 73.
14. Abi Abdullah Muhammad ibn Ismail al-Bukhari - *Shahih al-Bukhari* al-Maktabah al-Islamiah, Istanbul, Turkey, Jil. I, hal. 8.

15. Mohammed Arif, *op.cit*, hal. 53.
16. Al-Quran, surah al-Ara'af (7) 156.
17. Aidit b. Ghazali, *Zākāt adiminstration In Malaysia Institute of Southeast Asia Studies*, K.L, 1991, hal. 85.
18. Dr. Yusuf al-Qārdhāwi; *Peranan Nilai dan Akhlak Dalam Ekonomi Islam*, Mufti Labib Arsil Ibrahim, AbIM, KL. 1998 hal. 615.
19. Al-Quran, surah al-Bāqārāh (2) 43.
20. Hassan Ibrahim, *Asas Pengiraan Zakat Perniagaan Pengajian dan Pendapatan Bebas* Persatuan Kebajikan Islam HDN, K.L 1989, hlm. 3.
21. Dr. Yusuf al-Qārdhāwi, *op.cit*, hal. 615.
22. Al-Quran, surah al-Taubāh (9) 60.
23. Dr. Anwar Iqbal Qureshi: *The Economic and Sosial System of Islam: Islamic Book Services 1979*. Lahore, hal. 87.
24. Muhammed Syuki Salleh M.A (Englia) *Konsep dan Pelaksanaan Pembangunan berdasarkan Islam* Pulau Pinang USM 1990, hal. 60.
25. Al-Quran, surah al-Taubāh (9) 103.
26. *Ibid*, hal. 60.
27. Al-Quran, surah al-Bāqārāh (2) 110.
28. Dr. Anwar Iqbal Quresshi: *op.cit*, hal. 110.
29. Al-Quran, surah Ibrāhim, (14) 7.
30. Yusof al-Qārdhāwi, *op.cit*, hal. 615.
31. Abi Abdullah b. Muhammad Ibn al-Bukhari, *Sahih al-Bukhari*, al-Maktabah al-Islamiah Turkey, (t.t), Jil. II, hal. 110.
32. Khursid Ahmad (EO) *Kajian Dalam Ekonomi Islam* - Terj. Sibly b. Maros DBP KL. 1991, hal. 45.
33. *Ibid*, hal. 46.
34. *Ibid*, hal. 46.

35. Muhammed Syuki Salleh *op.cit*, hal. 60.
36. Al-Quran, surah al-Māidāh, 5: 3.
37. Muhammad Syki, *op.cit*, hal. 60.
38. Mohd Zaydi Mad Tahir, Rogayah Hj. Mat Zin, *Ekonomi Percukaian*, Dewan Bahasa dan Pustaka, KL. 1990, hal. 5.
39. *Ibid*, hal. 5.
40. Borjoyai Bardai, *Percukaian, Prinsip dan Amalan di Malaysia*, Dewan Bahasa dan Pustaka, K.L. 1987, hal. 1.
41. Baseri Ishak, *Sistem Percukaian Islam dan Konvesional Satu Perbandingan* 1996.
42. Al-Quran, surah al-Bāqārah, 2: 219.
43. Dr. Yusuf al-Qārdhāwi, *op.cit*, hal. 615.
44. Al-Quran, surah al-Bāqārah, 2: 177.
45. Mumhammad Abdul Mannan, *Islamic Economi Theory and Practice, Foundation of Islamic Economic*, Hodder and Stonghton: *The Islamic Acadamy*, Cambridge 1986, hal. 245.
46. Al-Quran, surah al-Zulkhruf, 43: 32.
47. Al-Quran, surah al-Bāqārah: 2: 261.
48. *Contemporary Aspect of Economic Thinking in Islam*, The Muslim Student Association of the United State & Cannada - 1976, hal. 35.
49. *Ibid*, hal. 35.
50. *Ibid*, hal. 35.
51. Khursid Ahmad, *op.cit*, hal. 189.
52. *Ibid*.
53. *Ibid*, hal. 189.
54. Al-Quran, surah al-Mulk, 67: 2.

55. Mohd Arif, *op.cit*, hal. 347.
56. *Ibid*, hal. 348.
57. *Ibid*, hal. 347.
58. *Ibid*, hal. 347.
59. Al-Quran, surah al-'Nisa, 4 : 58.
60. Al-Quran, surah al-'Nisa, 4: 135.
61. Khursid Ahmad, *op.cit*, hal. 182.
62. Al-Quran, surah al-'Anfal 8: 60.
63. Al-Quran, surah A`raf 7: 157.
64. A.R. Prest, Collin Clark, *The State of Taxation*, The Institute of Economic Affairs, 1977, hal. 42.
65. Mohd Arif, *op.cit*, 348.
66. *Ibid*, 349.
67. *Ibid*, 349.
68. *Ibid*, 349.
69. The New Encyclopaedia Britanica, vol. II, Macropaedia Encyclopaedia Britarica Ins, 1995, hal. 584.
70. *Ibid*, hal. 584.
71. Zulkornain Yusuf, *op.cit*, hal. 20.
72. Dato' Sri Anwar Ibrahim, *The 1998 Budget Jabatan Penerangan Malaysia*, *op.cit*, hal. 131.
73. *Ibid*, hal. 131.
74. William L. Roby, *The Income Tax and Business Decisions* Prentice Hall, New Jersey 1975, hal. 37.
75. The New Encyclopaedia Britanica *op.cit* hal. 5 dan 5.
76. *Ibid*, hal. 584.
77. K.S. Varmichael, Capital Gain Tax; HFF (Publishers) Ltd., London, 1968, hal. 16.

78. Dr, Arjuna Subramaniam, *1998 Malaysia Master Tax Guide 1998*, hal. 907.
79. *Ibid*, hal. 908.
80. J. Phillip Hardman, *The Institute of Chartered Accountants in England and Wales Chartered Accountants*, Hall Moorgate Alace, London EC2P, 2BJ, 1976, hal. 6. *
81. Arjuna *op.cit*, hal. 909.
82. *Ibid*, hal. 910.
83. *Ibid*, 765.
84. Arjuna, *op.cit*, hal. 767.
85. *Ibid*, hal. 767.
86. *Ibid*, hal. 767.
87. Akta Setem 1949 (Akta 378) *International Law Book Services*, 1996, Huraian Seksyen 2, hal. 1.
88. *Ibid*, Seksyen 4 (Jadual Pertama).
89. John F. Due, *Indirect Taxation In Development Economics*, John Hopkins University Press, 1988, hal. 19.
90. *Ibid*, hal. 19.
91. Mukul G. Asher and Anne Booth, *Indirect Taxation*, Singapore University Press, 1983, hal. 7.
92. Yong Poh Chye, *op.cit*, hal. 168.
93. *Ibid*, hal. 168.
94. *Ibid*, hal. 169.
95. Inderjit Singh Randhawa, *Consumption Taxes In Malaysia*, Pelandok Publications 1994, hal. 40.
96. Yong, *op.cit*, hal. 174. -